

Gen Y Perlu Bijak Urus Kewangan Dan Pelaburan, Kata Najib Bernama

2 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata generasi muda Bumiputera perlu mengatur pengurusan kewangan dan membuat pelaburan bijak untuk masa depan mereka sendiri.

Beliau berkata ini kerana jika Gen Y silap membuat percaturan, mereka akan dibelenggu pelbagai jenis hutang atau tergolong dalam kategori muflis.

"Bagi kami yang sudah berumur ini, kami masih ingat satu bungkus nasi lemak RM0.30 sen, tetapi kalau hantar anak ke sekolah sekarang perlu bekal RM2 untuk duit poket.

"Ini bererti penghakisan nilai wang bukan satu perkara unik di negara ini. Bayangkan dalam masa 10 hingga 30 tahun, kalau kita tidak buat persediaan, sudah tentu tidak boleh jamin masa depan.

"Oleh itu, adalah amat penting untuk membuat persediaan dengan pelaburan bijak. Justeru kerajaan tampil ke depan untuk melancarkan Amanah Saham Bumiputera (ASB) demi masa depan Gen Y," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap melancarkan dana Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) yang diuruskan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan saiz dana 10 bilion unit di Stadium Merdeka di sini hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Najib berkata berdasarkan data statistik muflis 2012 yang dikeluarkan Jabatan Insolvensi, mendapati terdapat 19,575 orang diisytihar muflis.

Daripada jumlah itu, 48.4 peratus adalah kaum Bumiputera, 33.2 peratus kaum Cina dan 14.1 peratus kaum India, kata beliau.

"Berdasarkan pecahan umur, 36.6 peratus adalah individu muflis berumur 35 hingga 44 tahun, 29.1 peratus berumur 45 hingga 54 tahun dan 20 peratus berumur 25 hingga 34 tahun.

"Walaupun jumlahnya secara relatif rendah untuk Gen Y, tapi ada kesannya kerana kumpulan ini baru ingin memulakan kerjaya dan bina masa depan mereka," kata beliau.

Najib berkata sekiranya Gen Y diisytihar muflis, mereka bakal berdepan pelbagai sekatan dan sukar untuk menjalankan sebarang kegiatan menambah pendapatan dan oleh itu , pelaburan dan pengurusan kewangan sangat penting untuk golongan tersebut.

Menerusi ASB2, beliau berkata kerajaan membuka satu lagi ruang kepada Gen Y untuk menentukan impian masa depan mereka menjadi realiti, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027276>